

## **6. GARISPANDUAN REKABENTUK MENARA IKLAN SETIANG ATAU BERBILANG TIANG DI PULAU PINANG**

- (a) Pelan struktur hendaklah dikemukakan oleh seorang Jurutera bertauliah dan berdaftar.
- (b) Keteguhan serta keselamatan struktur iklan itu hendaklah diperaku dan disahkan oleh seorang Jurutera yang bertauliah dan berdaftar dan beliau adalah bertanggungjawab ke atas keselamatannya di dalam apa juga keadaan sekalipun.
- (c) Setelah siap dibina, Jurutera bertauliah hendaklah membuat perakuan kepada jabatan ini bahawa menara papan iklan yang didirikan telah disiapkan mengikut spesifikasi Majlis ini.
- (d) Insuran mengenai 'public liability' hendaklah dikemukakan kepada Majlis RM1000,000.00 yang dipersetujui oleh Majlis untuk sebarang kemalangan atau gantirugi dari pihak ketiga.
- (e) Mematuhi dengan Undang-undang Kecil pengawalan iklan di bawah Sek. 58(1)(I) Ordinan Perbandaran (Chapter 133).
- (f) Penggunaan Bahasa Malaysia yang betul hendaklah dimesti dan diutamakan serta menjadikan Bahasa yang 'prominent' di dalam iklan sama ada digunakan secara persendirian atau bersama bahasa-bahasa lain.
- (g) Kebenaran daripada tuan tanah yang berkenaan bersama salinan daftar Hakmilik Sementara hendaklah dikemukakan kepada Majlis.
- (h) Kebenaran daripada Pejabat Tanah dan Galian hendaklah diperolehi jika ianya dibina di tanah T.O.L.
- (i) Pembinaan di atas Tanah Majlis yang bersesuaian adalah digalakkan dan kebenaran Majlis adalah juga perlu diperolehi dulu untuk tujuan pembinaan.
- (j) Rekabentuk grafik cadangan iklan itu hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis.
- (k) Pembinaannya tidak akan melibatkan garisan bangunan cadangan pelebaran jalan, parit, sewer line dan lain-lain saluran seperti TEN dan Pihak Berkuasa Air. (Sila lihat rajah A)
- (l) Penentuan ke atas ukuran sesuatu menara iklan itu adalah didasarkan ke atas kesesuaian tempat itu.
- (m) Menara iklan ini adalah dilarang sama sekali melindungi atau menghalang pemandangan papan iklan yang sedia ada.
- (n) Kedudukan menara setiang atau berbilang ini tidak menjejaskan persekitaran di sekelilingnya di samping ianya tidak juga akan melindungi sesuatu tempat yang indah dan menarik pemandangannya atau bangunan-bangunan yang mempunyai ciri-ciri senibina sejarah yang menarik. (Sila lihat rajah B & C)
- (o) Tempat pembinaan hendaklah bersesuaian (di dalam kawasan perumahan serta jalan-jalan protokol di dalam kawasan Bandar adalah tidak dibenarkan).
- (p) Pembinaan di atas 'traffic island' dan bulatan jalan di dalam kawasan Bandar adalah tidak dibenarkan jika ianya mempunyai ukuran melebihi dari saiz bulatan jalan dan 'traffic island' tersebut. (Sila lihat rajah D)
- (q) Jika tiap-tiap menara setiang atau berbilang hanya mempunyai satu permukaan beriklan, maka di bahagian belakangnya yang tidak dipamerkan dengan iklan adalah tidak dibenarkan menghala ke jalan kecualinya ia tidak menjejaskan memburukkan pemandangan. (Sila lihat rajah E)

- (r) Pengguna warna dan pencahayaan tidak akan mengganggu (distract) orangramai pada para pemandu kereta dan penunggang motosikal :-
- i) Warna permukaan (surface colours)  
Segala warna boleh digunakan di dalam pengiklanan baik untuk permukaan atau di dalam pencahayaan tidak akan menyebabkan kesilauan dan gangguan kepada orangramai (pejalan kaki dan para pemandu) di dalam pencahayaan adalah sama dengan di atas;
  - ii) Pencahayaan 'floodlighting'  
Pencahayaan dari 'floodlighting' hendaklah tidak menyebabkan silauan kepada jiran, pejalan kaki atau penunggang kenderaan;
  - iii) Pencahayaan secara 'flashing' dan pencahayaan bergerak 'indirect dan 'internal'.  
Penggunaan pencahayaan jenis ini boleh digunakan di mana-mana tempat;
  - iv) Kos pemasangan dan sambungan serta penggunaan bekalan elektrik ditanggung oleh pihak pemilik.
- (s) Menyelenggara papan iklan dan kawasan persekitaran supaya sentiasa dalam keadaan baik dan cantik.
- (t) Mengemukakan wang deposit sejumlah di antara RM1,000.00 – RM10,000.00 yang mana akan ditetapkan oleh Majlis nanti. Wang ini akan ditunaikan sekiranya kehendak-kehendak Majlis tidak dipatuhi.
- (u) Bayaran iklan tahunan kepada Majlis akan mengikut kadar di dalam Undang-undang Kecil Papan Iklan yang sedia ada.

(Diluluskan pada 15-3-93)